

Parlimen: 116,379 Kes Bankrap Direkod Sejak 2005 Hingga April 2012
Bernama
14 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Sebanyak 116,379 kes kebangkrapan yang ditadbir Jabatan Insolvensi, telah direkodkan sejak tahun 2005 hingga April lepas, Persidangan Dewan Rakyat diberitahu Khamis.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata daripada jumlah itu, sebanyak 37,493 kes (32 peratus) melibatkan golongan berumur 35 hingga 44 tahun.

"Umur 45 hingga 54 tahun sebanyak 30,910 (27 peratus), umur 25 hingga 34 tahun sebanyak 21,353 (18 peratus), umur 55 tahun ke atas sebanyak 14,379 (12 peratus), umur 25 tahun ke bawah 1,617 (satu peratus), manakala sebanyak 10,627 kes (sembilan peratus) tiada maklumat," katanya pada sesi soal jawab di sini.

Beliau menjawab soalan William Leong Jee Keen (PKR-Selayang) yang bertanyakan bilangan kebangkrapan, pecahan mengikut umur dan punca-punca kebangkrapan.

Mohamed Nazri berkata punca terbesar kebangkrapan di negara ini adalah hutang sewa-beli kenderaan iaitu sebanyak 29,338 kes (25 peratus), pinjaman peribadi 15,299 kes (13 peratus), pinjaman perumahan 14,327 kes (12 peratus), pinjaman perniagaan 13,107 kes (11 peratus) dan pinjaman korporat 6,127 kes (lima peratus).

Penjamin sosial pula sebanyak 6,163 kes (lima peratus), hutang kad kredit 5,735 kes (5 peratus), hutang cukai pendapatan 1,112 kes (satu peratus), biasiswa 196 kes (kosong peratus) dan keberhutangan lain 24,975 kes (21 peratus).

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=672913>